

# PM sertai sidang Rio



B.H. 30 APR. 1992

KUALA LUMPUR, 29 April 1992 — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro dari 3 Jun hingga 14 Jun depan.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Perdana Menteri membuat keputusan itu selepas Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar di sini sebulat suara menerima Deklarasi Kuala Lumpur semalam, sehari lebih awal daripada yang dijadualkan.

Sebelum ini, Dr Mahathir dilaporkan sebagai berkata beliau tidak akan menghadiri Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unccd) di Rio, jika perjumpaan itu digunakan untuk membidas negara membangun berhubung isu alam sekitar.

Kenyataan Wisma Putra itu, yang disebarkan melalui *Bernama*, juga menyebut bahawa perisytiharan yang dicapai hasil persidangan tiga hari di sini, jelas menunjukkan

membangun memberi perhatian berat terhadap usaha mengatasi masalah alam sekitar dan pembangunan secara bersepadu, seimbang dan menyeras.

Persidangan itu juga menjadi peringkat penting dalam proses perediaan kepada negara membangun untuk membincangkan dengan negara maju di Rio, beberapa isu pokok seperti sumber kewangan dan pemindahan teknologi.

Menurut kenyataan itu, Malaysia sedia menyertai negara lain untuk membentuk satu perkongsian sedunia bagi melindungi alam sekitar dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan.

Dalam persidangan di sini, ramai perwakilan menyuarakan pendapat mengenai perlunya Dr Mahathir menghadiri sidang kemuncak itu.

Timbalan Pengerusi Persidangan Kedua Menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, Dr A S Kasenally, berkata Dr Mahathir wajar membawa

deklarasi itu ke Rio bagi menyuarakan pandangan sebenar negara Selatan mengenai pembangunan alam sekitar.

Beliau yang juga Menteri Alam Sekitar Mauritius, berkata deklarasi itu mencerminkan kejayaan besar negara membangun mencapai kata sepakat dalam menyuarakan hak mereka.

"Deklarasi Kuala Lumpur mesti sampai ke Rio. Kita yakin, hanya Perdana Menteri Malaysia layak membawa deklarasi ini ke Rio dan mengemukakan pandangan negara membangun," katanya dalam sidang akhbar bersama Pengerusi Sidang Kuala Lumpur, Law Hieng Ding, di sini hari ini.

Menurutnya, pendirian negara membangun dalam deklarasi itu adalah jelas kerana ia menyatakan kesanggupan Selatan untuk membersihkan alam sekitar bersama masyarakat antarabangsa.

Sementara itu, Law yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, yakin kumpulan ne-

gara membangun G-77 akan menerima Deklarasi Kuala Lumpur apabila dibentangkan oleh Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail, di New York minggu depan.

"Majoriti negara membangun ada di sini (Sidang Kuala Lumpur). Saya tidak nampak mengapa mereka akan menolak Deklarasi Kuala Lumpur," katanya.

Deklarasi itu akan dibincang dalam mesyuarat G-77 di New York sebelum diperaku sebagai dokumen PBB untuk dikesmakan di Sidang Kemuncak Bumi di Rio. Mesyuarat itu juga akan menentukan pemimpin negara membangun yang akan membentangkan deklarasi berkenaan.

Deklarasi Kuala Lumpur mengulangi pendirian G-77 dan China, selaras pendapat asas dalam isu utama Deklarasi Tokyo Bagi Pembiayaan Alam Sekitar dan Pengu-

LIHAT MUKA 2